

# UMS anjur Seminar Industri Kreatif 2015

UB 11.12.15 A8

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW) akan menganjurkan Seminar Industri Kreatif Sabah pada 15 Disember 2015, bertempat di Dewan Resital UMS bermula jam 8 pagi hingga 5 petang.

Seminar itu akan dianjurkan bersama Unit Penyelidikan Warisan Borneo (BohRU), Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Finas), Persatuan Penggiat-penggiat Filem Sabah (Filems) dan Majlis Profesor Negara (Kluster Sejarah, Warisan dan Sosiobudaya).

Dekan FKSW Profesor Dato' Mohd Hamdan Hj Adnan memberitahu, seminar itu bertujuan mendedahkan para peserta seminar tentang perkembangan terbaru yang berlaku dalam bidang industri kreatif terutama di Sabah.

Katanya, melalui seminar itu para peserta akan dapat menimba ilmu dan pengalaman daripada mereka yang telah lama berkecimpung dalam bidang industri kreatif.

"Antara panel yang dijemput adalah

Ketua Pengarah Finas Dato' Kamil Othman yang akan menyampaikan ceramah berkaitan perfileman dan masyarakat serta Pengarah Ekosistem dan Kandungan Kreatif Finas Faridah Jaffar yang akan menerangkan peranan Pitching Centre dan Ekosistem Kandungan Kreatif," katanya.

Selain itu, seminar itu turut menjemput Pengerusi Creative Content Industry Guild (CCIG) Dato' Jurey Latif Rosli untuk menerangkan kepentingan profesionalisme dalam kalangan penggiat industri kreatif dan bagaimana CCIG memainkan peranan mereka untuk mengiktiraf kepakaran penggiat industri kreatif.

"Kami juga menjemput Tentera Gulang yang merupakan usahawan yang telah berjaya dalam perniagaan yang berkaitan industri kreatif iaitu percetakan digital. Sebagai usahawan yang bermula dari bawah, pengalaman Tentera yang akan membicarakan explorasi perniagaan dalam industri kreatif ini amat berguna kepada semua para penggiat industri

kreatif untuk memulakan perniagaan sendiri," jelasnya.

Malah kata Hamdan, pensyarah muzik UMS yang merupakan seorang penyanyi, komposer dan produser tempatan yang aktif dalam menghasilkan album bagi pasaran Sabah iaitu Andrew Poninting atau lebih dikenali sebagai Apai juga akan berkongsi pengalaman dan pengetahuan berkenaan bidang muzik di Sabah dan cabaran yang dihadapi oleh industri berkenaan.

Seminar industri kreatif yang akan dirasmikan oleh Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia Senator Datuk Seri Panglima Dr Salleh Tun Said Keruak itu dijangka akan disertai oleh kira-kira 400 orang yang terdiri daripada para pelajar dan penggiat industri kreatif di Sabah.

Seminar ini diharap akan menjadi titik mula kepada perkembangan industri kreatif di Sabah sebelum bermulanya tahun 2016 yang diharapkan akan memberi lebih banyak perkembangan positif terhadap kemajuan industri kreatif di Sabah.